A **SULAIMAN ISMAIL**

lwn.

PP

B MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
SURIYADI HALIM OMAR HMR
HASAN LAH HMR
SULAIMAN DAUD HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: W-05-159-2008 & W-05-110-2008]
C 9 FEBRUARI 2011

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Mengedar 335 gram cannabis - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Sama ada terdapat*
D *percanggahan dalam keterangan yang menyebabkan ketidakadilan dan prejudis kepada tertuduh - Milikan, kawalan dan mens rea - Sama ada terbukti - Sama ada hakim perbicaraan tersalah arah - Sama ada pihak pendakwaan membuktikan kes terhadap tertuduh melampaui keraguan munasabah*

E ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Mengedar 3340 gram cannabis - Rayuan terhadap pembebasan dan pelepasan tertuduh - Sama ada keterangan dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak mencukupi bagi*
F *mengaitkan tertuduh dengan dadah dijumpai - Sama ada pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie*

Tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi atas dua pertuduhan (i) mengedar dadah berbahaya 335 gram cannabis (P26 dan P29) dan (ii) mengedar dadah berbahaya 3340 gram
G cannabis (P18, P20, P22 dan P24). Oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Bagi pertuduhan pertama, tertuduh telah disabitkan dan dijatuhi hukuman mati, dan bagi pertuduhan kedua, beliau telah
H dibebaskan dan dilepaskan pada penutup kes pendakwaan. Tertuduh merayu terhadap sabitan dan hukuman atas pertuduhan pertama ('rayuan pertama') dan pendakwa raya merayu terhadap pembebasan dan pelepasan tertuduh atas pertuduhan kedua ('rayuan kedua'). Kedua-dua rayuan didengar bersama. Dalam
I rayuan pertama, tertuduh telah membangkitkan alasan-alasan rayuan (a) terdapat percanggahan dalam keterangan SP5 dan SP6 mengenai kehadiran seorang budak lelaki di tempat kejadian semasa

tangkapan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan; (b) terdapat percanggahan ketara antara ucapan pembukaan pihak pendakwa dengan keterangan saksi utama mereka, iaitu SP5, tentang kelakuan atau reaksi tertuduh semasa tangkapan dan percanggahan tersebut telah menyebabkan prejudis dan ketidakadilan kepada tertuduh; (c) hakim perbicaraan gagal menimbangkan secara menyeluruh keterangan-keterangan yang telah dikemukakan yang ditegasnya mencukupi untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Bagi pertuduhan kedua, hakim perbicaraan mendapati pihak pendakwa telah gagal, pada penutup kesnya, membuktikan milikan tertuduh ke atas dadah yang dipersoalkan. Pihak pendakwaan berhujah bahawa hakim perbicaraan telah tersilap apabila menolak permohonan pihak pendakwa untuk mengemukakan laporan ID37 bagi membuktikan maklumat telah diberikan oleh tertuduh kepada SP5 yang membawa kepada penemuan dadah berbahaya P18, P20, P22 dan P24.

Diputuskan (rayuan tertuduh ditolak dan sabitan serta hukuman yang dikenakan disahkan; rayuan pendakwaraya ditolak dan perintah hakim perbicaraan membebaskan dan melepaskan tertuduh turut disahkan)
Oleh Sulaiman Daud HMR:

(1) Adalah jelas daripada keterangan SP5 bahawa '1 lelaki' yang dilihatnya adalah tertuduh sendiri. Keterangan SP6 juga tidak menyebut tentang kehadiran seorang budak di rumah itu semasa tangkapan. SP6 juga menafikan kehadiran budak yang dikatakan itu. Isu tentang kehadiran budak yang dikatakan itu tidak melemahkan atau menjejaskan kes pendakwaan mengenai pemilikan tertuduh ke atas dadah P26 dan P29 di dalam pertuduhan pertama setelah menimbangkan hal-keadaan di sekeliling penemuan dadah itu. Keterangan kedua-dua saksi tersebut jelas menunjukkan elemen fizikal dan elemen mental tertuduh berkenaan dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan pertama ini. Memandangkan tertuduh berada bersendirian di situ, tertuduh juga berkuasa untuk menguruskan dadah itu sebagai tuanpunya. Hakim perbicaraan tidak tersilap atau tersalah arah apabila menolak pembelaan tertuduh, di samping mendapati ia tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan, mengenai isu milikan ini. Rayuan tertuduh atas alasan ini sudah semestinya gagal. (perenggan 11, 12 & 14)

A **(2)** Tertuduh telah menarik perhatian mahkamah kepada ucapan pembukaan yang menyebut 'tertuduh terkejut dan telah cuba melarikan diri' apabila SP5 memperkenalkan dirinya 'polis' tetapi tiada apa-apa dalam keterangan SP5 yang menunjukkan kelakuan atau reaksi tertuduh sedemikian. Tidak wujud apa-apa
B ketidakpastian atau kekeliruan dalam teks ucapan pembukaan pihak pendakwa dengan cara bagaimana pihak pendakwa hendak membuktikan kesnya. Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa menepati dan konsisten dengan kaedah pembuktian yang dibayangkan dalam ucapan pembukaan itu.
C Walaupun tiada keterangan dikemukakan mengenai reaksi tertuduh melarikan diri sebagaimana yang dinyatakan dalam ucapan itu tetapi terdapat keterangan terus dan keterangan ikut keadaan lain yang boleh menimbulkan inferens mengenai pengetahuan tertuduh ke atas dadah yang dipersoalkan.
D Seterusnya, isu yang dibangkitkan itu hanya menyentuh tentang kelakuan tertuduh semasa tangkapan dan tiada kaitan dengan kaedah atau asas pembuktian kes pendakwaan bagi pertuduhan tersebut. Jikapun terdapat perselisihan di antara ucapan itu dengan keterangan SP5 tersebut, tetapi ia tidak
E sedikitpun menimbulkan apa-apa prejudis atau ketidakadilan kepada tertuduh atau kes pembelaan. (perenggan 15 & 17)

(3) Hakim perbicaraan tidak salah apabila memutuskan bahawa tertuduh mempunyai '*mens rea* possession' ke atas dadah yang
F menjadi hal-perkara pertuduhan itu. Tiada sebarang keraguan bahawa tertuduh, yang berada berseorangan di tempat kejadian itu, mempunyai milikan atau kawalan ke atas dua ketulan mampat P26 dan P29 yang terletak di atas rak simen di hadapannya. Adalah tidak diragui bahawa tertuduh semestinya
G mempunyai pengetahuan tentang dadah yang berada di hadapannya dalam keadaan terdedah. Malahan ketika tangkapan dia sedang memotong satu daripada dua ketulan mampat tersebut. Berkenaan dengan pengedaran, hakim perbicaraan telah dengan betul menggunakan anggapan di
H bawah s. 37(da) Akta setelah mendapati tertuduh mempunyai milikan sebenar ke atas dadah yang dipersoalkan. Tiada sebab untuk campur tangan dalam keputusan hakim perbicaraan menolak pembelaan tertuduh, dan sebaliknya menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan. Hakim perbicaraan telah
I menimbangkan pembelaan tertuduh dengan keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Tidak berlaku apa-apa salah arah di pihak hakim perbicaraan untuk mewajarkan apa-apa campur tangan. Pihak pendakwa telah

berjaya, dalam pertuduhan pertama, membuktikan kesnya terhadap tertuduh dengan melampaui keraguan yang munasabah. (perenggan 27, 28 & 29)

(4) Dalam rayuan kedua, tiada bukti jelas tentang apa yang sebenarnya diucapkan atau dikatakan oleh tertuduh kepada SP5 sebelum tertuduh membawa SP5 ke lubang saluran air di belakang rumah di mana dadah-dadah dalam pertuduhan kedua ditemui. ID37 mengandungi laporan lengkap mengenai urutan peristiwa pada hari tangkapan itu, bermula dari peringkat serbuan hingga ke penemuan dadah-dadah yang dipersoalkan dan penangkapan tertuduh. Hakim perbicaraan telah tidak tersilap atau tersalah arah apabila menolak kemasukan keseluruhan laporan ID37 bagi membuktikan catatan maklumat yang telah diterima oleh SP5 daripada tertuduh. Keterangan lain yang dikemukakan oleh pihak pendakwa tidaklah mencukupi bagi mengaitkan tertuduh dengan dadah yang dijumpai daripada lubang takungan air tersebut setelah mengambil kira ia dijumpai di tempat terbuka yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh bagi pertuduhan kedua. (perenggan 35, 37 & 38)

***English** Translation Of Headnotes*

The accused was brought before the High Court on two charges (i) trafficking 335 grams of dangerous drugs cannabis (P26 and P29) and (ii) trafficking 3340 grams of dangerous drugs cannabis (P18, P20, P22 and P24). Therefore, the accused had committed an offence under s. 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952 punishable under s. 39B(2) of the same Act. For the first charge, the accused was convicted and sentenced to death, and for the second charge, the accused was acquitted and discharged at the closing of the prosecution case. The accused appealed against the conviction and sentence on the first charge ('the first appeal') and the prosecution appealed against the acquittal and discharge ('the second appeal'). Both appeals were heard together. In the first appeal, the accused raised several grounds (i) there were contradictions in the evidence of SP5 and SP6 regarding the presence of a boy at the material place during the arrest that could raise reasonable doubt on the prosecution's case; (b) there was an apparent contradiction between the prosecution's opening address and the evidence given by their main witness, SP5, regarding the accused's behaviour and reaction during the arrest

A and the said contradiction had caused prejudice and injustice to the accused; (c) the trial judge had failed to take into consideration the evidence provided as a whole that was sufficient to raise reasonable doubt on the prosecution's case. For the second charge, the trial judge had found that the prosecution
B failed, at the closing of its case, to prove possession of the drugs in question on the accused. The prosecution submitted that the trial judge had wrongly dismissed the prosecution's application to submit the ID37 report to prove that the information given by the accused to SP5 had led to the discovery of the dangerous drugs
C P18, P20, P22 and P24.

Held (dismissing accused's appeal and affirming conviction and sentence; dismissing prosecution's appeal and affirming trial judge's order of acquittal and discharge of the accused)
D **Per Sulaiman Daud JCA:**

(1) It was clear from the evidence of SP5 that 'the boy' seen was the accused himself. SP6's evidence also did not mention the presence of a boy in the house during the arrest. SP6 denied
E that there was a boy present. The issue of the presence of the boy did not weaken or affect the prosecution's case regarding the accused's possession of the drugs P26 and P29 in the first charge after taking into account the circumstances surrounding the discovery of the drugs. The evidences of both
F witnesses clearly showed that the physical and mental element of the accused regarding the drugs that were the subject matter of the first charge. As the accused was alone at the material place, the accused was also in power to manage the drugs as its owner. The trial judge had not erred or was
G misdirected when he rejected the accused's defence, and at the same time found that it did not raise any reasonable doubt on the prosecution's case, regarding the issue of possession. The accused's appeal on this ground failed.

(2) The accused had brought to the court's attention the opening
H address that stated 'the accused had been caught off guard and had tried to make a run for it' when SP5 introduced himself as 'police' but there was nothing in SP5's evidence that showed the accused had behaved or reacted in such way. There were no uncertainties or confusion in the text of the
I prosecution's opening address as to how the prosecution had proved its case. The evidence provided by the prosecution

was consistent with and fulfilled the method of proving the case as envisioned by the said opening statement. Although there was no evidence provided regarding the reaction of the accused trying to run away as was stated in the said opening statement but there were other direct and circumstantial evidences that could raise an inference on the knowledge of the accused regarding the drugs in question. Further, the issue raised merely touched on the accused's behaviour during the arrest and there was no connection with the method or evidentiary basis of the prosecution case for the said charge. Even if a conflict arose between the opening address and SP5's evidence, it did not raise any prejudice or injustice to the accused or to the defence case.

(3) The trial judge had not erred when he decided that the accused had the '*mens rea* possession' on the drugs that was the subject matter of the charge. There was no doubt that the accused, who was alone at the material place, had the possession or control of the two compressed lumps P26 and P29 that was placed on the cement rack in front of him. There was no doubt that the accused had the knowledge about the drugs that was exposed and right in front of him. In fact during the arrest he was cutting one of the two compressed lumps. Regarding trafficking, the trial judge had correctly used the presumption under s. 37(da) of the Act after finding that the accused had actual possession of the drugs in question. There was no reason to interfere with the trial judge's decision to reject the accused's defence, or alternatively accept the evidence of the prosecution's witnesses. The trial judge had taken into consideration the defence of the accused with the evidence that was provided by the prosecution. There was no misdirection by the trial judge to warrant any interference. The prosecution had succeeded, in the first charge, to prove its case against the accused beyond reasonable doubt.

(4) In the second appeal, there was no clear evidence as to what was truly said or stated by the accused to SP5 before the accused brought SP5 to the reservoir water hole behind the house where the drugs in the second charge were found. ID37 contained a complete report regarding the chronology of events on the day of the arrest, starting from the stage of the raid to the discovery of the drugs in question and the arrest of the accused. The trial judge was not wrong or misdirected

A when he rejected the admission of the full report ID37 to prove the information recorded and accepted by SP5 from the accused. Other evidences provided by the prosecution was not sufficient to show a link between the accused and the drugs found in the said reservoir water hole after taking into account
B it was found in an open place accessible to anyone. The prosecution failed to prove a *prima facie* case against the accused in the second charge.

Kes-kes yang dirujuk:

C *Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC* ***(dirujuk)***
Francis Antonysamy v. PP [2005] 2 CLJ 481 FC ***(dirujuk)***
Goi Ching Ang v. PP [1999] 1 CLJ 829 FC ***(dirujuk)***
Hasamuddin Talena v. PP [2002] 2 CLJ 504 CA ***(dirujuk)***
Herchun Singh & Ors v. PP [1969] 1 LNS 52 FC ***(dirujuk)***
Johar Mustapha v. PP [2009] 6 CLJ 193 FC ***(dirujuk)***
D *Krishnan Ramar v. PP [1987] 1 CLJ 28; [1987] CLJ (Rep) 145 SC* ***(dirujuk)***
Low Kian Boon & Anor v. PP [2010] 5 CLJ 489 FC ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Ong Ah Chuan v. PP And Another Appeal [1980] 1 LNS 181 PC ***(dirujuk)***
E *PP lwn. Haling Arala Jimjani [2008] 4 CLJ 163 CA* ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan [2006] 2 CLJ 129 FC ***(dirujuk)***
PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3) [1999] 2 CLJ 215 HC ***(dirujuk)***
PP v. Densih Madhavan [2009] 2 CLJ 209 FC ***(dirujuk)***
PP v. Kanapathy Kupusamy & Anor [2001] 1 CLJ 61 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
F *PP v. Sa'ari Jusoh [2007] 2 CLJ 197 FC* ***(dirujuk)***
Wjchai Onprom v. PP [2006] 3 CLJ 724 CA ***(dirujuk)***
Y Jeyamuraly Yesiah v. PP [2007] 5 CLJ 605 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), (da), 37A
G Evidence Act 1950, ss. 24, 27, 134

Sumber-sumber yang dirujuk:

Augustine Paul, *Evidence, Practice & Procedure,* 2nd edn, ms 258

Bagi pihak tertuduh - K Viknesvaran; T/n Viknes Ratna & Co
H *Bagi pihak pendakwaan - Murtazdi Amran TPR*

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Perbicaraan Jenayah No: 45-19-2005]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin
I

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud HMR:

[1] Tertuduh telah dihadapkan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas dua pertuduhan seperti berikut:

> Pertuduhan Pertama
>
> Bahawa kamu pada 2.7.2004, jam lebih kurang 3.30 petang di sebuah rumah beralamat No. 3584A, Kampung Masjid, Segambut Dalam, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan telah mengedar dadah berbahaya iaitu 335 gram cannabis, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.
>
> Pertuduhan Kedua:
>
> Bahawa kamu pada 2.7.2004, jam lebih kurang 3.30 petang di sebuah rumah beralamat No. 3584A, Kampung Masjid, Segambut Dalam, Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan telah mengedar dadah berbahaya iaitu 3340 gram cannabis, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Bagi pertuduhan pertama, tertuduh telah disabitkan dan dijatuhi hukuman mati, dan bagi pertuduhan kedua, dia telah dibebas dan dilepaskan pada penutup kes pendakwaan. Rayuan Jenayah No. W-05-159-2008 ("rayuan pertama") adalah rayuan tertuduh terhadap sabitan dan hukuman atas pertuduhan pertama; dan Rayuan Jenayah No. W-05-110-2008 ("rayuan kedua") adalah rayuan pendakwa raya terhadap pembebasan dan pelepasan tertuduh atas pertuduhan kedua. Kedua-dua rayuan ini telah didengar bersama, dan di akhirnya, kami sebulat suara telah menolak kedua-dua rayuan ini. Kini kami sampaikan alasan bagi keputusan itu.

Kes Pendakwaan

[3] Kes pendakwaan adalah jelas dan mudah. Pada 2 Julai 2004 jam 3 petang, sepasukan anggota polis yang diketuai oleh ASP Jaafar Mat (SP5) telah menyerbu rumah No. 3584A, Segambut Dalam berikutan maklumat terdapatnya aktiviti pengedaran dadah di rumah itu. Setelah sampai, mereka telah berpecah kepada dua

kumpulan yang terdiri dari tiga orang anggota. Kumpulan pertama yang diketuai oleh SP5 telah masuk ke dalam rumah melalui pintu hadapan, dan kumpulan kedua di bawah Kpl Jamil (SP6) telah masuk melalui pintu belakang. Kedua-dua pintu itu tidak berkunci.

[4] Setelah masuk, SP5 menuju ke bahagian dapur rumah di mana dia melihat tertuduh sedang berdiri berseorangan menghadap ke tingkap sambil memotong sesuatu di atas rak simen di hadapannya. SP5 terus memperkenalkan dirinya "polis". Tertuduh kelihatan terkejut dan meletakkan sesuatu di atas rak itu. SP5 telah menjumpai di atas rak itu dua ketulan mampat daun-daun kering yang disyaki ganja. Satu ketulan dibaluti dengan plastik lutsinar (P26), dan satu ketulan lagi dibaluti dengan 'aluminium foil' (P29) yang ada kesan potongan terletak di atas alas pemotong. SP5 turut menemui sebilah pisau. SP5 telah menangkap tertuduh dan membacakan amaran di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta). Tertuduh hanya berdiam diri.

[5] Berikutan soalan yang telah dikemukakan kepadanya, tertuduh telah membawa SP5 ke bahagian belakang rumah di mana dia telah menunjuk ke arah satu lubang saluran air yang bertutupkan sekeping besi. Apabila penutup lubang dibuka, kelihatan di dalamnya sebuah tong sampah yang bertutup. Di dalam tong itu terdapat empat ketulan mampat daun-daun kering yang juga disyaki ganja (P18, P20, P22 dan P24). SP5 telah membawa tertuduh ke IPK Kuala Lumpur, dan menyerahkannya bersama-sama dengan barang-barang kes kepada pegawai penyiasat Insp. Lee Hock Long (SP8).

[6] SP3, ahli kimia Kerajaan, telah mengesahkan bahawa dua ketulan mampat tumbuhan kering P 26 dan P29 adalah cannabis dengan berat bersih 335 gram (hal-perkara pertuduhan pertama), dan empat ketulan mampat tumbuhan kering P18, P20, P22 dan P24 adalah juga cannabis dengan berat bersih 3340 gram; iaitu dadah berbahaya yang tersenarai di bawah Jadual 1 Akta.

Kes Pembelaan

[7] Dalam pembelaannya tertuduh menyatakan dia berasal dari Acheh dan bekerja sebagai buruh kontrak. Rumah di mana dia ditangkap adalah rumah abangnya tetapi dia yang membayar sewa rumah. Dia tinggal di rumah lain tidak jauh dari situ dan hanya datang sekali sekala ke rumah itu. Pada hari tangkapan itu dia telah pergi ke rumah itu membawa makanan untuk anak saudaranya yang masih berumur lima tahun. Kira-kira lima minit

kemudian, beberapa orang polis telah masuk ke dalam rumah. Ketika itu dia sedang memberi makan anak saudaranya. Mereka telah membuat pemeriksaan di dalam dan di luar rumah. Di bahagian dapur rumah, SP5 telah menunjuk pada suatu laci almari yang telah terbuka, dan mengambil barang-barang yang ada di dalamnya. Dia telah diberitahu oleh SP5 bahawa barang-barang itu adalah ketulan-ketulan ganja. Bagaimanapun dia menafikan mempunyai apa-apa pengetahuan mengenai dadah tersebut.

Rayuan Jenayah No. W-05-159-2008

[8] Bagi pertuduhan pertama, hakim perbicaraan mendapati tertuduh mempunyai '*mens rea* possession' atau milikan sebenar ke atas kedua-dua ketulan mampat (P26 dan P29) yang ditemui di atas rak simen bahagian dapur rumah itu. Beliau berpuas hati bahawa tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dadah tersebut, dan perbuatannya memotong daun-daun kering itu jelas menunjukkan pengetahuannya ke atas dadah itu. Bagi pengedaran, hakim perbicaraan telah bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(da) Akta setelah mengambil kira bahawa berat bersih dadah berkenaan melebihi berat bersih 200 gram bagi mengaktifkan anggapan pengedaran di bawah seksyen itu. Beliau juga memutuskan bahawa pembelaan tertuduh yang berupa penafian semata-mata telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[9] Di hadapan kami, peguam terpelajar perayu telah membangkitkan alasan-alasan rayuan yang berikut, iaitu:

(a) Percanggahan dalam keterangan SP5 dan SP6.

(b) Percanggahan antara ucapan pembukaan dengan keterangan SP5.

(c) Kegagalan menimbangkan keterangan pada keseluruhannya.

Percanggahan Keterangan SP5 Dan SP6

[10] Peguam terpelajar tertuduh menegaskan terdapat percanggahan dalam keterangan SP5 dan SP6 mengenai kehadiran seorang budak lelaki di tempat kejadian semasa tangkapan yang, menurutnya, boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Bagi menunjukkan percanggahan yang dikatakan itu peguam terpelajar itu, pertamanya, telah merujuk kepada keterangan SP5 (di ms. 46 Rekod Rayuan (RR)) di mana saksi itu

dalam pemeriksaan balasnya menyatakan "melihat 1 lelaki ...". Seterusnya, beliau telah merujuk kepada keterangan saksi itu (di ms. 62 RR) yang menafikan ada melihat tertuduh "... beri makan kepada 1 budak ..." Peguam terpelajar itu telah membandingkan keterangan SP5 di atas dengan keterangan SP6 dalam pemeriksaan balasnya (di ms. 74 dan 75 RR) seperti berikut:

S: Saya kata, ada satu budak dan polis bawa serah kepada jiran?

J: Selepas tangkap ada budak diserah.

S: Apa jadi budak itu?

J: Serah kepada jiran, ibu keluarga.

[11] Kami telah mengamati keterangan di atas, dan tidak nampak apa-apa percanggahan dalam keterangan itu. Adalah jelas daripada keterangan SP5 itu bahawa "1 lelaki" yang dilihatnya adalah tertuduh sendiri dan bukannya budak yang dimaksudkan. Kami turut mendapati keterangan SP6 di atas juga tidak menyebut tentang kehadiran seorang budak di rumah itu semasa tangkapan. Malahan, SP6 juga telah menafikan kehadiran budak yang dikatakan itu seperti keterangannya yang berikut (juga di ms. 74 RR):

S: Pada hari itu, ada tak satu budak kecil 3 tahun dalam rumah itu?

J: Tiada.

[12] Walau apa pun, kami tidak nampak bagaimana isu tentang kehadiran budak yang dikatakan itu boleh melemahkan atau menjejaskan kes pendakwaan mengenai pemilikan tertuduh ke atas dadah P26 dan P29 tersebut setelah menimbangkan hal-keadaan di sekeliling penemuan dadah itu. Dalam kes *Johar Mustapha v. PP* [2009] 6 CLJ 193, Mahkamah Persekutuan telah mengikuti kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; [1956] MLJ 237 di mana Thomson J, telah menjelaskan makna "milikan" dalam konteks undang-undang jenayah seperti berikut, di ms. 239:

> ... there is a physical element and mental element which must both be present before possession is made out. The accused must not only be so situated that it can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must also be shewn that he has the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, he had some

animus possidendi. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances ...

[13] Petikan tersebut di atas telah mengasaskan elemen-elemen yang diperlukan bagi pembuktian milikan, iaitu elemen fiizikal dalam bentuk jagaan atau kawalan, dan elemen mental yang bermaksud pengetahuan tentang jenis benda yang dimiliki itu. Dalam rayuan sekarang ini, SP5 dan SP6 telah menyatakan kedua-dua ketulan mampat tersebut berada di atas meja di hadapan tertuduh, dan dia sedang memotong satu daripada ketulan itu. Tiada apa-apa percanggahan dalam keterangan mereka mengenai fakta ini. Hakim perbicaraan di samping mempercayai dan menerima keterangan saksi-saksi itu telah menolak pembelaan tertuduh yang menyatakan dadah tersebut telah ditemui dalam laci almari di rumah itu. Telah menjadi suatu prinsip undang-undang mantap bahawa mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan lambat untuk campur tangan dalam dapatan fakta oleh hakim perbicaraan melainkan terdapat sebab yang substantif dan kuat untuk tidak bersetuju dengan dapatan itu (lihat, antara lain, *Herchun Singh & Ors v. PP* [1969] 1 LNS 52), *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457).

[14] Pada hemat kami, keterangan kedua-dua saksi tersebut jelas menunjukkan elemen fizikal dan elemen mental tertuduh berkenaan dadah yang menjadi hal-perkara pertuduhan pertama ini. Memandangkan tertuduh berada bersendirian di situ, dia juga berkuasa untuk menguruskan dadah itu sebagai tuan punya. Dengan keterangan yang ada, kami mendapati hakim perbicaraan tidak tersilap atau tersalah arah apabila menolak pembelaan tertuduh, disamping mendapatinya tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan, mengenai isu milikan ini. Rayuan tertuduh atas alasan ini sudah semestinya gagal.

Percanggahan Ucapan Pembukaan Dan Keterangan SP5

[15] Peguam terpelajar turut menegaskan terdapat percanggahan ketara antara ucapan pembukaan pihak pendakwa dengan keterangan saksi utama mereka, iaitu SP5, tentang kelakuan atau reaksi tertuduh semasa tangkapan. Sehubungan dengan itu, beliau telah menarik perhatian mahkamah kepada ucapan pembukaan itu yang menyebut "tertuduh terkejut dan telah cuba melarikan diri" apabila SP5 memperkenalkan dirinya "polis" tetapi tiada apa-apa dalam keterangan SP5 yang menunjukkan kelakuan atau reaksi tertuduh sedemikian. Malahan SP5 telah menyatakan "OKT hanya

berdiam diri" selepas dia membacakan kata-kata amaran kepadanya. Dengan bersandarkan kepada kes *PP v. Sa'ari Jusoh* [2007] 2 CLJ 197, peguam terpelajar itu menghujahkan bahawa percanggahan itu telah menyebabkan prejudis dan ketidakadilan kepada tertuduh.

[16] Dalam kes di atas tertuduh telah dibicarakan kerana kesalahan mengedar dadah berbahaya. Pihak pendakwa, dalam ucapan pembukaannya, hanya merujuk kepada perbuatan menjual dadah tersebut. Isu yang dibangkitkan ialah sama ada pihak pendakwa boleh bergantung kepada anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta memandangkan ucapan pembukaan itu tidak menyebut tentang pemilikan tertuduh ke atas dadah berkenaan. Dalam kes itu telah diputuskan bahawa suatu keputusan boleh dibuat berdasarkan kepada sesuatu yang tidak dinyatakan dalam ucapan pembukaan jika ia tidak melemahkan kedudukan tertuduh atau menyebabkan ketidakadilan kepadanya. Prinsip yang sama juga telah digariskan dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, dan *Wjchai Onprom v. PP* [2006] 3 CLJ 724.

[17] Dalam kes sekarang ini kami mendapati tidak wujud apa-apa ketidakpastian atau kekeliruan dalam teks ucapan pembukaan itu berkenaan dengan cara bagaimana pihak pendakwa hendak membuktikan kesnya. Daripada ucapan itu adalah jelas kepada kami bahawa pihak pendakwa akan mengasaskan kesnya kepada milikan sebenar tertuduh ke atas dadah yang dipersoalkan, dan seterusnya akan bergantung kepada anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta. Bagi pertuduhan pertama ini, kami mendapati keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa menepati dan konsisten dengan kaedah pembuktian yang dibayangkan dalam ucapan pembukaan itu. Walaupun tiada keterangan dikemukakan mengenai reaksi tertuduh melarikan diri sebagaimana yang dinyatakan dalam ucapan itu tetapi terdapat keterangan terus dan keterangan ikut keadaan lain yang boleh menimbulkan inferens mengenai pengetahuan tertuduh ke atas dadah yang dipersoalkan. Seperkara lagi, kami mendapati isu yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar itu hanya menyentuh tentang kelakuan tertuduh semasa tangkapan dan tiada kaitan dengan kaedah atau asas pembuktian kes pendakwaan bagi pertuduhan tersebut. Jikapun terdapat perselisihan di antara ucapan itu dengan keterangan SP5 tersebut tetapi, pada hemat kami, ia tidak sedikitpun menimbulkan apa-apa prejudis atau ketidakadilan kepada tertuduh atau kes pembelaan. SP5 telah dipanggil sebagai saksi dan pihak pembelaan telahpun menyoal balas saksi itu mengenai reaksi tertuduh semasa tangkapan.

Kegagalan Menilai Keterangan Pada Keseluruhannya A

[18] Peguam terpelajar tertuduh turut menghujahkan bahawa hakim perbicaraan telah gagal menimbangkan secara menyeluruh keterangan-keterangan yang telah dikemukakan (khususnya, mengenai kedudukan tertuduh dalam rumah itu semasa tangkapan, identiti penyewa rumah, penggunaan pisau yang dimaksudkan dan pembelaan milikan pasif) yang ditegaskannya mencukupi untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. B

[19] Berkenaan dengan kedudukan tertuduh semasa tangkapan, peguam terpelajar itu menegaskan bahawa keterangan SP5 mengenai isu ini tidak dapat dipertahankan jika diteliti dengan keterangan-keterangan lain yang telah dikemukakan. Bagi menyokong hujahnya, peguam terpelajar itu telah merujuk kepada keterangan tertuduh yang menyatakan, jika benar dia sedang berdiri menghadap ke tingkap, dia sudah tentu boleh melihat orang-orang yang berjalan di luar melintasi tingkap itu. Dengan yang demikian beliau menghujahkan keterangan SP5 mengenai kedudukan tertuduh semasa dia ditangkap boleh dipersoalkan; dan pihak pendakwa sepatutnya memanggil saksi-saksi lain untuk memberikan penjelasan. C D E

[20] Kami tidak nampak apa-apa merit dalam isu yang dibangkitkan ini. Memang terdapat keterangan yang menunjukkan SP6 telah menuju ke arah belakang rumah melalui satu lorong di tepi sebelah kanan rumah itu. Namun begitu, keterangan juga jelas menunjukkan bahawa rumah itu berdekatan dengan jalan raya dan lorong yang dimaksudkan itu adalah tempat laluan awam. Oleh itu, pada hemat kami, soal sama ada tertuduh boleh nampak orang yang melintasi tingkap tersebut tidak akan mempengaruhi kelakuan atau tindakannya setelah menimbangkan bahawa lorong tersebut adalah laluan awam. Tiada keterangan yang menunjukkan anggota-anggota serbuan itu beruniform. Tambahan pula, tertuduh sendiri menjelaskan "... tingkap ada cermin-tak terang, kalau boleh nampak, nampak bayang-bayang orang tak jelas". Juga, tiada keterangan yang menunjukkan bahawa tingkap yang dimaksudkan itu terbuka ketika itu. F G H

[21] Seterusnya, kami mendapati kegagalan pihak pendakwa memanggil anggota-anggota lain juga tidak mempunyai apa-apa kesan ke atas kes pendakwaan. Dalam sesuatu perbicaraan jenayah, pihak pendakwa mempunyai budi bicara untuk memanggil I

A mana-mana saksi bagi membuktikan kesnya (lihat *Low Kian Boon & Anor v. PP* [2010] 5 CLJ 489; *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (No 3)* [1999] 2 CLJ 215). Begitu juga s. 134 Akta Keterangan 1950 dengan jelas memperuntukkan bahawa tiada bilangan tertentu bagi saksi dikehendaki dalam mana-mana kes untuk membuktikan
B sesuatu fakta.

[22] Berkenaan dengan identiti penyewa rumah tersebut, kami mendapati hakim perbicaraan juga tidak tersilap atau tersalah arah apabila menerima keterangan tuan rumah itu (SP7) yang telah
C mengenalpasti tertuduh sebagai penyewa rumah tersebut. SP7 telah mengecam tertuduh sebagai penyewa rumah itu sejak 3-4 bulan, dan tertuduh juga adalah orang yang telah membayar sewa bulanan rumah itu. Walau apa pun, kami tidak nampak bagaimana isu yang dibangkitkan ini boleh melemah atau menjejaskan kes
D pendakwaan. Sebagaimana yang telah dinyatakan terdahulu, terdapat keterangan yang mencukupi bagi menunjukkan tertuduh mempunyai milikan sebenar ke atas dadah yang dipersoalkan. Jika tujuan pihak pembelaan membangkitkan isu ini adalah untuk menunjukkan tertuduh tidak mempunyai milikan eksklusif ke atas
E dadah tersebut, ia ternyata meleset dan tidak bermerit. Dalam kes *PP v. Densih Madhavan* [2009] 2 CLJ 209, Abdul Aziz Mohamad FCJ, dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan telah memberi penjelasan tentang milikan "eksklusif" ("exclusive" possession) seperti berikut, di ms. 217:

F

> ... It is inappropriate to speak of possession of an article in criminal law as exclusive possession. One is either in possession or not in possession, although one could be in possession jointly with another or others. To say that the prosecution of a drug case fails because there has been no proof of exclusive possession
G is apt to convey the wrong impression that it is only in cases where possession is entirely with one person, - that is, "exclusive" - that a conviction is possible ... .

[23] Peguam terpelajar itu juga telah menimbulkan isu tentang ketiadaan cap jari pada pisau P30. Beliau menghujahkan ini telah
H menimbulkan keraguan sama ada tertuduh sedang memotong dadah tersebut, dan seterusnya menimbulkan tanda tanya pada kebenaran keterangan saksi-saksi pendakwaan. Kami juga tidak nampak bagaimana isu ini boleh menjejaskan kes pendakwaan. Isu di hadapan mahkamah ialah sama ada tertuduh mempunyai milikan ke
I atas dadah tersebut. Tujuan menimbulkan cap jari pada sesuatu ekshibit adalah bagi menentukan orang yang pernah mengendalikan

ekshibit itu. Dalam kes sekarang ini satu daripada soal pokok yang hendak diputuskan ialah sama ada tertuduh mempunyai milikan ke atas dadah yang dipersoalkan. Sebagaimana yang disebut terdahulu kesemua elemen bagi menunjukkan milikan telah terbukti, dan dengan yang demikian tiada keperluan untuk mendapatkan keterangan sokongan lain. A B

[24] Berkenaan dengan isu milikan pasif, peguam terpelajar telah merujuk kepada beberapa kes, termasuk kes Mahkamah Persekutuan *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 2 CLJ 129, serta kes Mahkamah Rayuan *PP lwn. Haling Arala Jimjani* [2008] 4 CLJ 163 dan *Y Jeyamuraly Yesiah v. PP* [2007] 5 CLJ 605 yang telah mengikuti prinsip yang telah diasaskan dalam kes *Ong Ah Chuan v. PP And Another Appeal* [1980] 1 LNS 181, di mana Lord Diplock menyarankan " ... trafficking under s. 3 involves something more than passive possession. It involves doing or offering to do an overt act of one or other of the kinds specified in para. (a) of the definition of "traffic" and "trafficking" in s. 2". C D

[25] Dengan bersandarkan kepada kes-kes tersebut di atas, peguam terpelajar itu menegaskan dalam rayuan sekarang ini tiada percubaan dibuat oleh tertuduh untuk melarikan diri apabila dihampiri oleh pihak polis. Tiada juga apa-apa keterangan dikemukakan bagi menunjukkan tindakan terang-terangan (overt act) tertuduh yang termasuk dalam takrifan "pengedaran" di bawah s. 2 Akta. Justeru, beliau menghujahkan hakim perbicaraan telah tersilap dan tersalah arah apabila gagal menimbangkan pembelaan "milikan pasif" sedemikian. E F

[26] Kami tidak dapat menerima penghujahan peguam terpelajar itu. Pertama, pihak pembelaan tidak pernah membangkitkan pembelaan sedemikian. Jika diperhatikan tertuduh sendiri telah menafikan mempunyai milikan atau kawalan ke atas dadah yang menjadi hal-perkara pertuduhan pertama ini. Kedua, fakta dan kaedah pembuktian yang dipilih oleh pihak pendakwa dalam kes-kes tersebut di atas boleh dibezakan dengan kes sekarang ini. Dalam kes-kes itu, tertuduh telah ditangkap semasa sedang membawa dadah yang dipersoalkan; dan pihak pendakwa telah memilih untuk membuktikan pengedaran secara terus mengikut takrifan "pengedaran" di bawah s. 2 Akta setelah bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi pembuktian pemilikan dan pengetahuan. Bagaimanapun, dalam rayuan sekarang G H I

A ini pihak pendakwa telah berjaya membuktikan milikan sebenar atau "*mens rea* possession" tertuduh ke atas dadah yang dipersoalkan, dan seterusnya bergantung kepada anggapan "pengedaran" di bawah s. 37(da) Akta. Maka, beban bukti terletak pada tertuduh untuk mematahkan anggapan pengedaran atas imbangan
B kebarangkalian. Sebelum ini kami telahpun menyatakan persetujuan kami dengan keputusan hakim perbicaraan yang mendapati pihak pembelaan telah gagal mematahkan anggapan pengedaran di bawah seksyen tersebut.

C **[27]** Kesimpulannya, bagi pertuduhan pertama ini, kami bersetuju dengan dapatan hakim perbicaraan bahawa tertuduh mempunyai "*mens rea* possession" ke atas dadah yang menjadi hal-perkara pertuduhan itu. Tiada sebarang keraguan bahawa tertuduh, yang berada berseorangan di tempat kejadian itu, mempunyai milikan
D atau kawalan ke atas dua ketulan mampat P26 dan P29 yang terletak di atas rak simen di hadapannya. Begitu juga, adalah tidak diragui bahawa tertuduh semestinya mempunyai pengetahuan tentang dadah yang berada di hadapannya dalam keadaan terdedah. Malahan ketika tangkapan dia sedang memotong satu
E daripada dua ketulan mampat tersebut. Berkenaan dengan pengedaran, hakim perbicaraan telah dengan betul menggunakan anggapan di bawah s. 37(da) Akta setelah mendapati tertuduh mempunyai milikan sebenar ke atas dadah yang dipersoalkan.

F **[28]** Kami juga mendapati tiada sebab untuk campur tangan dalam keputusan hakim perbicaraan menolak pembelaan tertuduh, dan sebaliknya menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan. Dalam mencapai keputusannya, kami berpuas hati bahawa hakim perbicaraan telah menimbangkan pembelaan tertuduh dengan
G keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa mengikut prinsip yang telah diasaskan dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82 berhubungan dengan pendekatan yang hendak diambil pada menilai keterangan pembelaan. Kami juga mendapati tidak berlaku apa-apa salah arah di pihak hakim perbicaraan untuk
H mewajarkan apa-apa campur tangan di pihak kami.

[29] Setelah meneliti keterangan yang ada, kami berpuas hati bahawa hakim perbicaraan telah dengan betul memutuskan, bagi pertuduhan pertama ini, bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap tertuduh dengan melampaui
I keraguan yang munasabah. Pembelaan tertuduh bukan sahaja tidak boleh diterima tetapi gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Rayuan Jenayah W-05-110-2008

[30] Bagi pertuduhan kedua, hakim perbicaraan mendapati pihak pedakwa telah gagal, pada penutup kesnya, membuktikan milikan tertuduh ke atas dadah yang dipersoalkan. Alasan bagi keputusannya itu adalah seperti berikut:

> Manakala bagi pertuduhan kedua pula, dikatakan bahawa OKT telah menjawab soalan selepas SP5 membacakan kata-kata amaran di bawah seksyen 37A Akta Dadah Berbahaya 1952. Namun begitu, mahkamah tidak menerima apa-apa keterangan akan hal tersebut dan tiada apa-apa pernyataan akan hal berkenaan dikemukakan. Malahan laporan polis asal telah ditolak kerana terlalu incriminating dan dijadikan ID37 saja. ....

[31] Seterusnya hakim perbicaraan menyatakan:

> ... Mengambil kira kedudukan lubang takungan air tersebut yang berada di belakang rumah yang tidak berpagar, saya putuskan OKT tidak punya milikan sebenar akan dadah berkenaan. Ini adalah kerana keadaan lubang yang tidak berkunci dan boleh didatangi oleh sesiapa juga. Dengan itu elemen penting milikan tak dibuktikan bagi dadah yang ditemui daripada lubang takungan air yang menjadi intipati pertuduhan pindaan kedua terhadap OKT.

[32] Bagi pertuduhan kedua ini, adalah jelas kepada kami bahawa pihak pendakwa telah cuba mengasaskan kesnya kepada maklumat yang dikatakan telah diberikan oleh tertuduh kepada SP5 yang membawa kepada penemuan dadah P18, P20, P22 dan P24 tersebut. Ringkasnya, pihak pendakwa hendak bergantung kepada maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950.

[33] Kedudukan undang-undang mengenai maklumat di bawah s. 27 tersebut telah diperjelaskan dalam keputusan-keputusan kehakiman. Seksyen itu berdiri secara bebas dan tidak tertakluk kepada kaedah sukarela di bawah s. 24 Akta (lihat *Francis Antonysamy v. PP* [2005] 2 CLJ 481, *Goi Ching Ang v. PP* [1999] 1 CLJ 829). Untuk bergantung kepada maklumat sedemikian, pernyataan itu mestilah dibuat oleh tertuduh sendiri dalam bahasanya sendiri. Perkataan-perkataan yang diucapkan oleh tertuduh haruslah dibuktikan dengan tegasnya dan tidak seharusnya diubah dengan kata-kata lain (lihat *Hasamuddin Talena v. PP* [2002] 2 CLJ 504, *PP v. Kanapathy Kupusamy & Anor* [2001] 1 CLJ 61). Namun begitu, bagi s. 27 tersebut terpakai mestilah terdapat keterangan mengenai maklumat yang membawa kepada penemuan fakta itu (lihat Augustine Paul, *Evidence, Practice & Procedure* (2nd edn, ms. 258).

[34] Dalam rayuan sekarang ini, kami mendapati maklumat yang boleh dikaitkan dengan penemuan dadah tersebut hanyalah berdasarkan kepada keterangan SP5 semata-mata. Pertamanya, SP5 menyatakan " ... saya tanya soalan adakah lagi barang salah? Jawab - ada". Keterangan SP5 selanjutnya berhubungan dengan isu ini adalah seperti berikut:

> Ada soal tanya kepada OKT, selepas itu OKT telah tunjukkan tempat simpanan dadah lagi iaitu di lubang air di bahagian belakang rumah - lubang saluran air di belakang rumah ... .

[35] Setelah mengamati keterangan tersebut di atas, kami bersetuju dengan hakim perbicaraan bahawa tiada apa-apa keterangan dikemukakan mengenai maklumat yang telah diberikan oleh tertuduh kepada SP5 yang jelas berhubungan dengan fakta yang ditemui. Pendek kata, tiada bukti jelas tentang apa yang sebenarnya diucapkan atau dikatakan oleh tertuduh kepada SP5 sebelum dia membawa SP5 ke lubang saluran air di belakang rumah di mana dadah tersebut disembunyikan.

[36] Timbalan Pendakwa Raya terpelajar bagaimanapun menegaskan catatan maklumat yang diterima daripada tertuduh terkandung dalam laporan polis SP5, iaitu ID37, yang telah ditolak oleh hakim perbicaraan. Beliau berhujah hakim perbicaraan telah tersilap apabila menolak permohonan pihak pendakwa untuk mengemukakan laporan itu bagi membuktikan catatan tersebut. Kami telah meneliti ID37 dan mendapati ia mengandungi laporan lengkap mengenai urutan peristiwa pada hari tangkapan itu, bermula dari peringkat serbuan hingga ke penemuan dadah-dadah yang dipersoalkan dan penangkapan tertuduh. Hanya terdapat dua ayat yang mungkin boleh diterima sebagai maklumat di bawah s. 27 Akta. Dalam kes *Krishnan v. PP* [1987] 1 CLJ 28; [1987] CLJ (Rep) 145, Wan Sulaiman (SCJ) telah menjelaskan setakat mana maklumat yang diterima daripada tertuduh boleh dibuktikan. Beliau telah berkata, di ms. 149:

> Section 27 is not intended to let in a confession generally and not one word more of the information which the accused supplied should be given in evidence that is strictly necessary to show how the fact which was discovered is connected with accused so as in itself to be a relevant fact against him.

[37] Dengan berlandaskan kepada prinsip undang-undang di atas, kami mendapati hakim perbicaraan telah tidak tersilap atau tersalah arah apabila menolak kemasukan keseluruhan laporan ID37 bagi membuktikan catatan maklumat yang telah diterima oleh SP5

daripada tertuduh. Kami juga bersependapat dengan hakim perbicaraan bahawa keterangan lain yang dikemukakan oleh pihak pendakwa tidaklah mencukupi bagi mengaitkan tertuduh dengan dadah yang dijumpai daripada lubang takungan air tersebut setelah mengambil kira ia dijumpai di tempat terbuka yang boleh diakses oleh sesiapa jua.

Kesimpulan

[38] Atas alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas:

(a) bagi Rayuan Jenayah W-05-159-2008, kami mendapati sabitan terhadap tertuduh bagi pertuduhan pertama adalah selamat. Dengan itu, rayuan tertuduh adalah ditolak, dan sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadapnya adalah disahkan; dan

(b) bagi Rayuan Jenayah W-05-110-2008, kami bersetuju dengan hakim perbicaraan bahawa pihak pendakwa, pada penutup kesnya, telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh bagi pertuduhan kedua. Dengan itu rayuan Pendakwa Raya juga ditolak. Perintah hakim perbicaraan membebaskan dan melepaskan tertuduh turut disahkan.